

Tunku lawat Negeri China

PULAU PINANG, Sabtu — Presiden PERKIM Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, akan 10 hari melawat Negeri China atas jemputan Kerajaan Republik Rakyat China.

Beliau akan diiringi oleh 10 tokoh Islam negara, termasuk wakil-wakil PERKIM Malaysia dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam.

Dalam lawatan bermula 9 Mei itu, rombongan akan melawat beberapa masjid dan tempat yang terdapat ramai orang Islam Cina seperti di Shanghai, Peking dan Canton.

Beliau akan bertemu dengan beberapa tokoh Islam negara itu untuk berbincang dan bertukar fikiran mengenai perkembangan agama Islam di kedua-kedua negara.

Tunku yakin lawaatan tersebut akan dapat mengukuhkan lagi tali persaudaraan umat Islam di dunia dan akan dapat menyemalkan semangat persefahaman dan toleransi di kalangan mereka.

Sementara itu, Tunku memberitahu 50 peserta Islam dari negara-negara Asean, Jepun, New Zealand, Fiji dan Australia akan menyertai kursus agama lanjutan anjuran PERKIM, di bangunan PERKIM.

Kursus tujuh minggu mulai Rabu ini, bertujuan meninggikan lagi mutu ajaran Islam di negara-negara berkenaan, serta menjalin hubungan rapat dikalangan umat Islam di dunia.

Menurutnya, segala perbelanjaan kursus itu akan ditanggung oleh PERKIM. Persiapannya telahpun selesai.

Tunku Abdul Rahman menambah, sekiranya berjaya kursus itu, PERKIM bercadang menambah lagi bilangan kursus hingga enam bulan.

Katanya, beberapa tokoh Islam dari luar negeri juga telah dilantik untuk mengendalikan kursus itu. — Bernama.



■ TUNKU ABDUL RAHMAN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia